

PENGUMUMAN GST KEPADA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

SEPERTIMANA TELAH DIUMUMKAN OLEH KERAJAAN, GST AKAN DIKUATKUASAKAN BERMULA PADA 1 APRIL 2015. SEMUA PERNIAGAAN DENGAN JUALAN TAHUNAN MELEBIHI NILAI AMBANG YANG DITETAPKAN WAJIB BERDAFTAR DIBAWAH PERUNDANGAN GST. SEMUA ORANG BERDAFTAR GST WAJIB MENGAKAUNKAN GST BAGI PEMBEKALAN YANG DISEDIAKAN. PEMATUHAN KEPADA PERUNDANGAN GST BOLEH DIPERMUDAHKAN DENGAN MENGGUNAKAN PERISIAN PERAKAUNAN YANG DIPERAKUI OLEH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM).

UNTUK MERINGANKAN BEBAN MEMPEROLEHI PERISIAN PERAKAUNAN BARUINI ATAU MENAIK TARAF PERISIAN PERAKAUNAN SEDIA ADA, KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN PERUNTUKAN BANTUAN KEWANGAN SEJUMLAH RM150 JUTA SEPERTIMANA YANG TELAH DIUMUMKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI DALAM UCAPAN BELANJAWAN 2014 PADA 25 OKTOBER 2013 YANG LALU. BANTUAN KEWANGAN YANG DISEDIAKAN OLEH PIHAK KERAJAANINI DIPERUNTUKKAN KHAS UNTUK PKS YANG BERDAFTAR GST. PKS BOLEH MEMPEROLEHI PERISIAN PERAKAUNAN GST INI DARIPADA PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG DIPERAKUI OLEH JKDM SEPERTI YANG TELAH DISENARAIKAN DI LAMAN PORTAL gst.customs.gov.my

NILAI PERISIAN PERAKAUNAN YANG DITAWARKAN OLEH PEMBEKAL YANG TERSENARAI BERGANTUNG KEPADA KEMUDAHAN ATAU PROGRAM YANG TERDAPAT DALAM PERISIAN BERKENAAN. MISALNYA UNTUK PAKEJ *SINGLE USER* DENGAN PERISIAN PERAKAUNAN ASAS IANYA LEBIH MURAH BERBANDING DENGAN PAKEJ YANG MENAWARKAN *MULTI USER* ATAU *BRANCHES*. DI BAWAH ADALAH SENARAI PEMBEKAL PERISIAN PERAKAUNAN YANG DIPERAKUI JKDM DENGAN ANGGARAN HARGA DITAWARKAN OLEH PEMBEKAL BERKAITAN.

PKS YANG INGIN MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN BANTUAN KEWANGAN HENDAKLAH MENDAFTAR GST TERLEBIH DAHULU DENGAN MEMBUAT PERMOHONAN KEPADA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA SEAWAL 1 JUN 2014.

PERMOHONAN BANTUAN KEWANGANINI SEBANYAK RM1,000.00 (RINGGIT MALAYSIA SATU RIBU SAHAJA) AKAN DISALURKAN MELALUI SME CORPORATION MALAYSIA (SME CORP).

Penafian:

Perisian perakaunan yang tersenarai ini hanya bertujuan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang hendak membuat tuntutan bantuan kewangan daripada kerajaan Malaysia sahaja. Perniagaan yang bukan merupakan PKS atau PKS yang tidak hendak membuat tuntutan bantuan kewangan adalah tidak diwajibkan untuk menggunakan perisian perakaunan yang disenaraikan ini. Julat harga yang dipaparkan di dalam jadual di bawah adalah yang dinyatakan oleh pembekal dalam borang permohonan kepada pihak JKDM.

*Note:

| Functions / Attributes | Basic (B) | Advance (A) |
|--|-----------|-------------|
| | | |
| Setting up Tax Code | ✓ | ✓ |
| Purchase Transaction for Taxable supplies | ✓ | ✓ |
| Sales Transaction with standard tax codes | ✓ | ✓ |
| Filing for Purchase Transactions (Full Tax Claimable) | ✓ | ✓ |
| Filing for Sales Transactions (Full Tax Claimable) | ✓ | ✓ |
| Generation of GST-03 (Without TX-RE) | ✓ | ✓ |
| Generation of GST Audit File (GAF) | ✓ | ✓ |
| Essential for Partially Exempt Traders: | | |
| Purchase transaction for Mixed (Taxable and Exempted) Supplies | | ✓ |
| Sales Transaction for Exempted Supplies | | ✓ |
| Tax Report for Input Tax Recoverable Ratio (IRR) | | ✓ |
| Filing for Purchase Transactions (Mix Tax Claimable) | | ✓ |
| Annual Adjustment function | | ✓ |
| Generation of GST-03 (Complete with TX-RE tax code) | | ✓ |